

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : 'Phone scam': Dua suri rumah alami kerugian lebih RM20,000  
Date : 19 May 2023  
Section : Tempatan  
Page : 2



## 'Phone scam': Dua suri rumah alami kerugian lebih RM20,000

**SIBU:** Dua suri rumah mengalami kerugian lebih RM20,000 selepas menjadi mangsa sindiket 'phone scam' dalam dua kejadian berasingan di sini.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, pihaknya dari Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibu telah menerima dua kes penipuan berasingan

kelmarin.

"Kedua-dua mangsa telah menerima panggilan daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis memberitahu mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram serta dadah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, suspek telah meminta mangsa membuat transaksi bayaran ke akaun

bank yang diberi bagi menyelesaikan kes tersebut.

"Kedua-dua mangsa masing-masing telah membuat pembayaran pada 16 dan 17 Mei selepas menurut semua arahan oleh suspek.

"Namun mereka hanya menyedari diperdayakan selepas membuat pembayaran dan hadir ke balai berdekatan untuk membuat laporan polis," katanya.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejaan.

Sebagai langkah pencegahan, Zulkipli mensahkan orang ramai agar tidak mudah panik atau cemas apabila menerima panggilan telefon dari individu yang tidak dikenali mendakwa diri mereka dari mana-mana jabatan kerajaan atau institusi kewangan.

Sebarang nasihat atau maklumat lanjut, boleh dirujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dan ikuti laman Facebook @ CyberCrimeAlertRMP @ JSJKPDRM, Buat juga semakan pengesahan akaun bank dan nombor telefon yang diragui melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>.